

## UNSUR-UNSUR AKIDAH DALAM KUMPULAN PUISI TAMAN TAKWA

### *ELEMENTS OF AQIDAH IN AN ANTHOLOGY OF TAMAN TAKWA*

Azman Bado; Abu Hassan Abdul; A. Halim Ali  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak  
ahassan@fbk.upsi.edu.my

#### ABSTRAK

Kajian ini merupakan sebuah kajian kepustakaan yang bertujuan mengenal pasti unsur-unsur akidah dalam kumpulan puisi *Taman Takwa* (2009) karya Suhaimi Hj. Muhammad. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis unsur-unsur akidah dalam 79 buah sajak berkaitan ketuhanan. Perbincangan data yang dianalisis dibuat berpandukan `prinsip ketuhanan bersifat Kamal` iaitu salah satu daripada tujuh prinsip dalam teori *Takmilah*. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat banyak unsur akidah dalam sajak yang dikaji. Sifat Qudrah adalah sifat ketuhanan yang paling banyak digunakan oleh penyair, selain sifat Iradah dan Wujud. Kajian ini merumuskan bahawa unsur akidah yang ditemui dalam sajak Suhaimi Haji Muhammad adalah teras utama persoalan selaras dengan gaya kepenyairan Suhaimi Haji Muhamamad yang cenderung kepada gaya kesufian.

**Kata kunci:** Unsur Akidah, *Taman Takwa*, Ketuhanan, Puisi Islami

#### ABSTRACT

*The study was a library research that aimed to identify the elements of aqidah (faith) in an anthology entitled *Taman Takwa* (2009) by Suhaimi Hj. Muhammad. The contain analysis method used to analysis the element of aqidah in 79 poems which is related to the aspects of divinity. Analysis of the data was discussed based on the `prinsip ketuhanan bersifat Kamal` of the theory *Takmilah*. Findings of the research showed that many elements of aqidah (faith) was successfully instilled in the poems, whilst the aspect of Qudrah was the most applied by the poet, which precedes the concept of Iradah and Wujud. This study concludes that the element of aqidah (faith) in the poems by Suhaimi Haji Muhammad was a fundamental point inline to the poet's authorship that tends to the sufism.*

**Keywords:** Elements of Aqidah; *Taman Takwa*, Divinity, Islamic Poetry

#### PENGENALAN

Hubungan antara Allah dengan agama-Nya iaitu Islam dan hubungan antara Islam dengan sastera sangat rapat, perkembangan puisi dalam masyarakat Islam mengikut Ahmad Kamal Abdullah (1988), puisi mendapat perhatian yang amat luas dalam masyarakat Islam. Orang Arab memang terkenal sebagai bangsa yang menaruh perhatian yang besar kepada puisi. Pada zaman jahiliyah penyairnya lebih cenderung menghasilkan syair kemabukan dan syair yang memuja keindahan para wanita dari yang zahir hingga kepada yang sehalus-halusnya dan termasuklah tentang hubungan seks.

Menurut Balqis Haji Abu Bakar (1981), para penyair juga hidup mereka dengan keadaan yang tidak beradab dan memuaskan nafsu, hidup secara gelandangan dan meminum arak, ada juga yang mencipta syair yang untuk memuja patung berhala, pada zaman awal Islam di Mekah, penyair masih banyak menulis syair yang memperlihatkan nada mengejek, mengutamakan nafsu berahi. Setiap tahun diadakan sayembara memilih syair yang terbaik dan yang terpilih digantung di Kaabah. Jadi ini merupakan satu penghormatan yang tinggi kepada penyair. Kata Ahmad Kamal Abdullah (1988) al-Quran memberikan perhatian khusus kepada para penyair yang nafsu-nafsinya begini. Allah Maha bijaksana dan amat mengetahui keadaan manusia yang dinamakan penyair ini. Kejahilahan mereka,

keingkaran dan sikap munafik mereka inilah yang ditentang oleh al-Quran. Allah S.W.T. dengan tegas berfirman di dalam surah al-Shu'ara' (Penyair) yang bermaksud:

“Penyair-penyair itu, pengikut mereka adalah orang-orang jahat. Tidakkah engkau lihat bahawa mereka (hidup) berkelana ke setiap lembah. Dan mereka itu mengucapkan apa-apa saja yang mereka sendiri tak melakukannya”.

(Surah Asy-Syuara', ayat:224-226)

Namun begitu ada kekecualiannya,

“Penyair yang beriman, melakukan amalan yang salih dan sentiasa mengingat Allah ”.

(Surah Asy-Syuara', ayat:227)

Firman Allah S.W.T. di dalam al-Quran yang diturunkan kepada hambanya terungkap dengan kata-kata yang amat indah. Rasulullah S.A.W. juga sangat tegas memberikan panduan kepada para penyair Islam, bahawa al-Quran mengalu-alukan sumbangan fikiran, perasaan yang diajukan di dalam syair atau puisi mereka asalkan puisi itu tidak bercanggah dengan hukum syarak dan para penyairnya membuktikan dirinya membawa nilai-nilai yang direhui Allah. Nabi Muhammad juga pernah menggalakkan supaya penyair Islam menulis puisi untuk bersaing dengan para penyair jahiliah yang selalu sahaja mencari jalan memperolok-lokkan Islam.

Sebagai cabang kesenian, puisi atau syair daripada penyair Islam dapat menyalurkan perasaan berjihad dan langsung menyalurkan nilai-nilai Islam dan dapat mengembangkan syiar Islam. Untuk mencapai maksud ini tentulah satu cabaran yang sangat besar kepada penyair Islam, bagi penyair Islam tidak ada pilihan lain kecuali kepada al-Quran dan hadith. Sebagai seorang Islam, ia mengakui bahawa pencipta yang unggul dan penguasa yang agung adalah al-Khalik (Pencipta) sendiri. Sebagai khalifah Allah di muka bumi Allah, penyair ikut mempunyai tanggungjawab bagi mentasbihkan Allah yang tidak mempunyai saingen sama ada di bumi dan di langit. Kekuatan penyair jika dibandingkan dengan kekuasaan Allah hanya satu titik kecil sahaja daripada kebijaksanaan Allah, inilah tanggungjawab penyair selaku khalifah dan menyampaikan risalah kepada orang lain.

Mano Sikana (1985) menegaskan bagi penyair Islam harus membaiki akhlak antara makhluk dengan Khalik. Ertinya ialah melakukan apa saja yang diperintahkan oleh Allah dan menjauhi apa saja yang dilarang oleh-Nya. Disinilah timbulnya konsep takwa itu, berakhlik kepada Allah ertinya tunduk dan menyerah sepenuhnya kepada Allah, sentiasa memperbaiki sembahyang, membanyakkan zikir, dan sebagainya. Kesan keIslam yang ditinggal oleh karya sastera itu pula mestilah dapat dijadikan ukuran sama ada karya itu karya Islam atau sebaliknya. Kesan keIslam yang dimaksudkan ialah kesan menyeluruh yang dapat dirasai oleh pembaca selepas membacanya. Kesedaran bahawa Allah sedang memerhatikan mereka, dalam semua amalan yang mereka lakukan, redha dengan pemberian dari Allah, sabar atas ujian yang mereka menghadapinya. Semua itu manusia dapat menilaikan diri sendiri dan dapat mengenali diri bahawa semua itu dari Allah yang bersifat Khalik itu.

Justeru, hubungan antara Allah dengan makhluk-Nya sangat rapat supaya dapat dihasilkan satu-satu karya berbentuk puisi yang penuh dengan keindahan dan kesenian yang dapat dirasa orang pembacanya.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Sastera Islam merupakan perakaman sastera yang kandungannya terdiri dari sesuatu yang mutlak dari sudut akidah, Syariah dan rohnya selaras dengan al-Quran dan hadis. Mengikut apa yang dijelaskan, pembinaan sastera Islam haruslah mempunyai ciri-ciri yang mendorong kepada pembentukan moral.

Shafie Abu Bakar (1983) menyebutkan, sastera Islam merupakan gambaran yang ditimba daripada masyarakat dan bertujuan untuk memberi pendidikan serta bimbingan ke arah menghayati nilai-nilai yang lebih sempurna. Manakala Shahnon Ahmad (1981), merumuskan bahawa sastera Islam merupakan sastera kerana Allah, berhikmah untuk manusia.

Kata Mohd Fauzi (2002:13) akidah memainkan peranan besar dalam membentuk insan yang sempurna, sebuah masyarakat yang harmoni dan negara yang aman dan sejahtera. kata Mohd Shafiee,

Azli, Rahimah & Nik Murshidah (2015:1) berbincangan tentang sifat Allah menjadi penting kerana ia berkait rapat dengan akidah dan kepercayaan Islam mengenai Allah, di samping itu ia juga merupakan salah satu jalan altenatif bagi mengenal Allah melalui sifat-sifatnya.

Selain itu kata Sabiruddin (2012) apa yang dituntut oleh Islam kepada penganutnya ialah membenarkan dan mengakui dengan dua kalimah syahadah. Ia merupakan asas terpenting dalam akidah Islam. Seperti mana telah membuktikan dalam kajian A. Halim Ali, Norazimah & Ariff (2017:244) beberapa gambaran budaya masyarakat Brunei yang berdepan dengan musibah banjir. Dalam sajak “Banjir Terjadi Alhamdulilah” (hlm.26-28), katanya penyair menunjukkan gambaran masyarakat Brunei yang berpegang teguh pada ketentuan Tuhan, gambaran ini menambahkan pembacaakan budaya keislaman yang mendarah daging dalam diri masyarakat.

Justeru, terdapat pelbagai pendapat tentang sastera Islam dan nilai-nilainya dalam konteks Islam. Kepentingan sastera Islam dalam masyarakat Melayu semasa dalam membentuk akhlak yang murni yang bersumberkan puisi-puisi Islam, tetapi masih lagi kurang kajian ilmiah yang mendalami tentang tauhid secara khusus dan mendalam yang dijalankan oleh sarjana.

Dengan ini pengkaji akan meneliti unsur Akidah, di dalam puisi salah satu penyair Islam yang terkenal iaitu Suhaimi Hj.Muhammad dengan menjalankan kajian dalam kumpulan puisinya, yang mempunyai tajuk kajian: Unsur-unsur akidah dalam kumpulan puisi Taman Takwa. Bagi membuktikan bahawa karya kesusteraan berkait rapat dengan ajaran Islam, khususnya karya yang menggunakan aspek ketuhanan, maka pengkaji percaya dan yakin bahawa hal ini dapat dibuktikan melalui kajian ini. Kajian ini analisis akan dijalankan ke atas puisi Taman Takwa, Suhaimi Hj.Muhammad. Karya Suhaimi Hj. Muhammad disebut oleh ramai sarjana yang memaparkan unsur ketuhanan yang mampu menunjukkan unsur akidah secara khusus yang ditetapkan dalam kajian ini.

## OBJEKTIF KAJIAN

Secara ringkasnya, kajian ini dilakukan dengan beberapa tujuan seperti yang dinyatakan di bawah:

1. Mengenal pasti unsur akidah dalam kumpulan puisi Taman Takwa.
2. Menganalisis unsur akidah berkaitan Teori Takmilah.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah sebuah kajian kepustakaan, dan yang kedua ialah kaedah analisis kandungan teks. Kajian ini secara keseluruhannya menggunakan kaedah kualitatif bagi menyelongkari dan memahami penggunaan unsur akidah dalam puisi-puisi yang berunsur Islam. Kaedah kajian kepustakaan dijalankan bagi mengumpul maklumat yang diperlukan untuk memenuhi objektif kajian ini. Kaedah ini penting untuk mencari bahan-bahan rujukan seperti buku-buku berbentuk akademik yang ditulis oleh pakar-pakar dalam bidang bahasa dan bidang ilmu tauhid.

Di samping itu, kajian ini juga berpandukan kepada hasil penyelidikan, kertas-kertas seminar, jurnal, majalah, akhbar dan melayari lawan web untuk mendapat bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk atau bidang kajian. Kaedah ini dilakukan bagi memantapkan lagi tesis penyelidikan. Kajian kepustakaan yang digunakan ialah buku ilmiah, jurnal dan tesis yang berkaitan dengan bahasa, dan ilmu akidah, seterusnya teori Takmilah.

Kajian ini secara keseluruhannya akan menganalisis buku puisi Taman Takwa oleh Suhaimi Hj.Muhammad (2009) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Pemilihan kajian unsur akidah dalam puisi Taman Takwa. Ia dilihat sangat penting kerana bakal menyumbang kepada perolehan dapatan kajian tentang unsur akidah dalam puisi Taman Takwa.

Sumber data daripada buku ini dianalisis berpandukan kepada unsur akidah gabungan dengan 20 sifat yang wajib bagi Allah. Kajian ini berdasarkan beberapa sumber data yang utama, dan sumber kedua. Sumber data utama dalam kajian ini ialah kumpulan puisi Taman Takwa, oleh Suhaimi Hj. Muhammad, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (2009). Manakala sumber kedua terdiri dalam kajian ini daripada buku-buku ilmiah yang berkaitan dengan kajian. Antara buku-buku penting yang dirujuk ialah:

1. Buku "Usul al-Tahqiq" oleh Haji Wan Ahmad Khalil Haji Muhammad al-Limbadi al-Kelantani, Ramly Pree Sdn. Bhd. (2013)
2. Buku Aqidah bagi Sanusiah: Matan Ummul Burhan, Cetakan bin Halabi, Fathoni, Thailand
3. Buku yang digunakan untuk teori ialah: Teori Takmilah Perluasan dan Penafsiran, oleh Abdul Halim Ali, Bersatu Penulis Budiman Malaysia, (2014)

Bagi mencapai hasil kajian yang terbaik, data kajian ini dianalisis menggunakan kaedah analisis teks, iaitu dokumen atau data dianalisis bagi mengetahui isi dan makna yang terkandung di dalamnya. Data dianalisis secara induktif.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

### **Unsur Akidah (عقيدة) dalam Puisi Taman Takwa**

Sebelum pengkaji membincangkan dan menghurai bahagian ini, terlebih dahulu perlu diterangkan tentang maksud kepada unsur akidah. Pengertian akidah dari segi bahasa bererti simpulan iman ataupun pegangan yang kuat atau satu keyakinan yang menjadi pegangan yang kuat. Adapun akidah dari sudut istilah ialah kepercayaan yang pasti dan keputusan yang muktamad, tidak bercampur dengan syak atau keraguan pada seseorang yang berakidah, sama ada akidah yang betul ataupun sebaliknya, berdasarkan kepada dalil naqli dan aqli (Amirullah, 2008).

Ilmu akidah pula ialah ilmu yang membicarakan perkara yang berhubungkait dengan kepercayaan dan keyakinan terhadap Allah S.W.T. Ilmu akidah juga dikenali dengan nama-nama berikut:

1. Ilmu Tauhid ialah ilmu yang membicarakan tentang ketauhidan dan keyakinan tentang keesaan Allah S.W.T.
2. Ilmu Usuluddin-ilmu yang membicarakan tentang perkara-perkara asas dalam agama iaitu keimanan kepada Allah S.W.T.
3. Ilmu Makrifat-ilmu yang membahaskan tentang sifat-sifat Allah S.W.T.
4. Ilmu Kalam-ilmu yang mengandung himpunan berbagai-bagai pendapat tentang kalam Allah S.W.T.

Adapun dalam sudut pemahaman akidah yang betul ialah kepercayaan yang berlandaskan kepada dalil al-Quran dan as-Sunnah seperti keyakinan terhadap kewujudan Allah S.W.T.. Akidah yang betul ialah:

1. keimanan dan keyakinan yang teguh terhadap kewujudan Allah S.W.T. yang Maha Berkuasa.
2. kepercayaan dan keyakinan yang berlandaskan pada kitab al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W.
3. menjauhkan diri daripada segala perbuatan yang merosakkan akidah seperti mensyirikkan Allah S.W.T.

Adapun beberapa ciri-ciri akidah yang salah terdapat juga ciri-ciri akidah yang salah seperti:

1. tidak mempercayai tentang ketuhanan atau menafikan kewujudan dan kekuasaan Allah S.W.T.
2. mempercayai amalan khurafat dan melakukan perbuatan syirik seperti menyembah berhala
3. mengamalkan kepercayaan dan amalan yang tidak bersumberkan al-Quran dan hadis Nabi S.A.W.

Selain itu juga terdapat beberapa pengertian akidah, menurut Normurni Mohamad (2014), akidah juga membawa maksud kepercayaan dan keimanan yang teguh dalam apa jua keadaan. Takrif iman ialah membenarkan dalam hati mengaku dengan lidah mengamalkan dengan anggota badan. Beriman kepada Allah, beriman kepada Malaikat, beriman kepada Kitab, beriman kepada Rasul, beriman kepada Hari Kiamat, dan beriman kepada Qada' dan Qadar. Tahu, percaya, i'tiqad dengan perkara wajib, mustahil dan harus bagi Allah, ialah:

1. Benarkan dengan yakin akan adanya Allah
2. Benarkan dengan yakin keesaan Allah
3. Benarkan dengan yakin bahawa Allah bersifat sempurna, suci dari kekurangan dan suci dari menyerupai yang baru

Firman Allah dalam surah al-Baqarah:163-164 yang bermaksud:

“Dan Tuhanmu adalah tuhan yang Maha Esa; tidak ada Tuhan melainkan Dia yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang berlayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia, dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupkan bumi sesudah mati (kering) dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis haiwan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi; sungguh (terdapat) tanada-tanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan.

Selain itu juga, mesti percaya dan yakin bahawa Allah telah menjadikan malaikat sebagai pesuruh-Nya, dijadikan daripada cahaya, bukan lelaki atau perempuan, tidak mempunyai hawa nafsu, tidak makan, minum, tidur, sentiasa berzikir dan bertasbih kepada Allah, sentiasa taat menjalankan tugas yang ditentukan. Dapat dijelaskan bahawa unsur ini juga ada kait rapat dengan unsur akidah, mengikut analisis yang dilakukan terhadap Puisi taman takwan, dan dapat dikaitkan dengan sifat-sifat Allah yang telah dibincangkan tentangnya di atas. Daripada dapatan kajian ini, terdapat unsur ini seperti Jadual yang berikut:

**Jadual 1:** Unsur Akidah dalam Puisi Taman Takwa

Ciri – ciri	Jumlah
Sifat Qudrat (قدر)	26
Sifat Iradah (إرادة)	15
Sifat Wujud (وجود)	13
Sifat alim (عليم)	6
Sifat Wahdaniah (وحدانية)	4
Sifat Esa	3
Beriman kepada Nabi	3
Sifat Mukhalafatuhu lilhawadith	3
Sifat Sama (سمع)	3
Sifat Baqa' (بقاء)	2
Beriman kepada al-kitab	1
Beriman kepada Qada' qadar	1
<b>Semua</b>	<b>70</b>

Jadual di atas dapat dirumuskan bahawa, dalam unsur ini terdapat beberapa ciri dalam kesemua ciri di atas dalam disimpulkan kepada tiga bahagian:

1. Sifat-sifat Allah dalam unsur akidah
2. Rukun Iman dalam unsur akidah

### **Sifat-sifat Allah dalam Unsur Akidah**

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan di dalam kumpulan puisi ini, terdapat beberapa sifat Allah yang dapat dikaitkan dengan unsur Akidah. Sifat-sifat Allah yang paling banyak digunakan oleh penyair ialah sifat Qudrat, seterusnya Iradah, Wujud dan sifat-sifat yang lain.

#### **Sifat Qudrat (قدر)**

Bahagian ini pengkaji akan kemukakan beberapa contoh ungkapan puisi yang telah digunakan oleh penyair untuk membuktikan sifat Qudrat Allah demi untuk menegaskan bahawa sifat ini ada kaitan dengan unsur akidah. Daripada analisis yang dijalankan, terdapat 26 ungkapan yang telah digunakan oleh penyair terhadap sifat Qudrat, seperti mana contoh pertama yang berikut:

(P1-3-22)      Ya Allah, inilah Kalimah Syahadahku, inilah aku,  
                      inilah panah asmaradana rindu dendamku,  
                      inilah aku, sebutir debu, memohon hak kemerdekaan abadi  
                      yang bersimpuh dalam **tangan-Mu** (b.84-88)

(Suhaimi Hj.Muhammad, 2009, ms.3)

Ungkapan di atas dengan jelas bahawa dapat dikaitkan dengan unsur akidah, seperti pada akhir ungkapan ini penyair menggunakan kalimah **tangan-Mu**, kalimah ini dengan jelas dalam ilmu tauhid yang membawa maksud kekuasaan-Nya. Ungkapan ini juga menunjukkan bahawa penyair telah merendahkan dirinya selaku hamba kepada Allah dengan ungkapan “inilah aku, sebutir debu.” Ini adalah kata-kata yang harus diungkapkan oleh seseorang hamba demi membuktikan kelemahan dan kekurangan yang ada, semata-mata berharap kekuasaan-Nya sahaja agar dapat menikmati kemerdekaan yang abadi, dan bebas daripada semua jajahan syaitan dan jajahan hamba yang tidak beriman kepada-Nya.

Selain itu, contoh yang kedua adalah seperti berikut:

(P3-6-17)      Kau sajalah yang memegang tangkai wujud,  
                      Engkau sajalah yang memegang **tangkai kuasa**  
                      Tidak ada rahsia wujud yang tidak kau ketahui,  
                      Begitu juga **rahsia kuasa** (b.17-21)

(Suhaimi Hj.Muhammad, 2009, ms.6)

Ungkapan ini membuktikan bahawa semua perkara yang ada di dalam dunia ini tidak akan terlepas daripada Allah S.W.T., kerana semua yang wujud di dalam dunia ini diciptakan oleh-Nya. Dia sahaja yang tahu semua perkara yang telah diciptakan dengan kekuasaan-Nya, dan amat mustahil bagi-Nya untuk tidak mengetahui apa yang telah diciptakan oleh-Nya. Dia mampu untuk mencipta dari apa yang tiada kepada yang ada. Selain daripada sifat Qudrat, juga terdapat lagi sifat-sifat yang juga kerap diungkapkan oleh penyair di dalam judul puisinya seperti sifat Iradah seperti mana contoh pertama yang berikut:

#### **Sifat Iradah (إرادة)**

Analisis yang dijalankan dalam puisi ini didapati bahawa sifat Iradah ini yang dapat dikaitkan dengan unsur akidah terdapat 15 ungkapan. Sifat Iradah Allah yang bermaksud Allah yang Maha Kehendak ini yang terdapat di dalam beberapa judul puisi dan beberapa ungkapan yang dapat dibahaskan dalam bahagian ini, seperti ungkapan pertama dari judul puisi yang ke 13:

(P13 -26-1)

Tuhan, jadikan seluruh hidupku,  
Dan seluruh matiku,  
Untuk membina tiang imanku,  
Dan tiang takwaku, bersama-Mu.

Maka, jika aku dibenarkan memilih,  
Jadikanlah aku lebah,  
Biar aku berterbangan di tuhan-hutan,  
atau taman, mencari bunga-bunga  
Segar, dan mencipta madu saringan, kemudian  
Biarlah aku gugur terkulai di sarangku,  
Ya sarangku, atau gugur terkulai di tangan  
Musuh-musuhku – musuh-Mu juga.

Jangan Engkau jadikan aku merak,  
Yang memperagakan ekor dan bulu,  
Meskipun jelita rupawan, meskipun  
Menawan, maka sukma takwaku tersedu,  
Dan sukma imanku tertancap luka,  
Maka cahaya langit yang terang-benderang,  
Berubah menjadi kelabu, pucat  
Dan hilang. (b.1-20)

(Suhaimi Hj.Muhammad, 2009, ms.26)

Dari awal judul syair ini penyair mengungkapkan dalam bentuk permintaan “Tuhan, jadikan seluruh hidupku, Dan seluruh matiku, Untuk membina tiang imanku, Dan tiang takwaku, bersama-Mu.” Dalam ungkapan ini, dapat dikaitkan dengan aspek akidah bahawa semua ciptaan Allah adalah mengikut kehendak-Nya semata-mata, dan tidak ada kehendak manusia yang dapat mengatasi kehendak Allah.

Apa sahaja yang diminta kepada Allah, sekalipun ia kelihatan baik bagi manusia, namun jika itu bukan dari kehendakNya, maka perkara itu tidak akan sesekali berlaku. Sepertimana dalam ungkapan berikutnya penyair mengungkapkan sekiranya diberikan pilihan untuk hidup, maka diminta hidup seperti lebah, yang mana hidup sentiasa mencari kebaikan dan menghasilkan perkara yang baik. Dia tidak mahu menjadi seperti merak yang hidup sentiasa takabbur, bongkak dan pentingkan diri sendiri.

Tetapi dalam aspek akidah, harus diyakini bahawa apa jua yang terjadi, sama ada hidup senang atau pun susah, hidup dengan penuh cabaran atau pun tidak, dengan hakikatnya adalah kehendak Allah. Selain itu juga terdapat dalam ungkapan yang lain seperti:

(P20 – 44-1)

Ya tuhan,  
Di bawah tirai matahari yang menghampar  
Cahaya lembayung lembutnya, kusaksikan  
Cahaya kudrat-Mu, kusaksikan juga  
**Cahaya Iradah-Mu**, menurunkan tetes-tetes  
Hujan rahmat-Mu, tetes hujan cinta-Mu  
Ke bumi nyata- ke mata inderaku  
Dan ke mata nuraniku. Tidak ada bahasa  
Budaya, dan tidak ada bahasa ulama, juga  
Tidak ada bahasa raja yang dapat  
Kuungkapkan bagi menyatakan rasa denyut  
Nadi syukurku terhadap-Mu. Aku  
Kini di musim panen yang redup, ya Tuhan. (b.32-44)

(Suhaimi Hj.Muhammad, 2009, ms.44)

Ungkapan di atas dapat dijelaskan bahawa rahmat dari Allah yang diturunkan kepada hamba-Nya di muka bumi ini, semua itu mengikut kehendak-Nya dan kehendak itu tidak akan tercapai kalau tidak dengan sifat Qudrat-Nya. Semua rahmat yang diturunkan oleh Allah adalah semata-mata untuk menguji manusia, untuk melihat berapa golongan hamba-Nya yang bersyukur di atas nikmat yang diberikan, di sebalik kesyukuran itu Allah akan kurniakan lagi keberkatan atas semua nikmat yang diberikan oleh-Nya.

Begitu juga kalau terdapat daripada golongan hamba-hamba-Nya yang tidak bersyukur ke atas nikmat Allah bahkan kufur lagi dengan nikmat-Nya, maka rahmat-nya yang nampaknya lembut dan biasa seperti hujan, akan menjadi balasan dan ujian kepada hamba-Nya itu.

Dengan itu, seperti dalam ungkapan akhir ini “Tidak ada bahasa budaya, dan tidak ada bahasa ulama, juga tidak ada bahasa raja yang dapat kuungkapkan bagi menyatakan rasa denyut nadi syukurku terhadap-Mu. Aku kini dimusim panen yang redup, ya Tuhan.” Semua ini semata-mata membuktikan pentingnya sifat kesyukuran ini, demi memartabatkan akidah seorang Muslim.

## Sifat Wujud (وجود)

Sifat Wujud adalah satu-satu sifat daripada kategori nafsiah. Analisis ini juga terdapat beberapa ungkapan yang mana penyair menggunakan sifat Wujud. Dalam perbincangan ini disenaraikan beberapa sifat Wujud Allah yang digunakan oleh penyair di dalam puisinya yang dapat dikaitkan dengan unsur akidah. Mengikut analisis yang dijalankan dapat di rumuskan bahawa, sifat Wujud yang dapat dikaitkan dengan unsur akidah ini terdapat 13 ungkapan. Sifat ini juga tepat mengikut susunan ketiga dari semua jumlah sifat dalam unsur akidah.

(P2-4-1) inilah desa dan kota penuh dengan cinta kudus-Mu,  
Petanda **kewujudan Allahuakbar-Mu**  
Aku adalah debu yang bersimpuh di dalam  
Tangan-Mu, mencari permata reda-Mu  
Sekali aku mengenal Allahuakbar-Mu – aku mengenal  
Bahawa Engkau adalah Allhu Ahad,  
Sekali aku mengenal Allahuakbar-Mu – Aku mengenal  
Bahawa Engkau adalah Allahus Samad. (b.1-10)

(Suhaimi Hj.Muhammad, 2009, ms.4)

Ungkapan ini dapat dijelaskan bahwa dalam konsep akidah perlu kita yakin bahwa beberapa petanda adanya Allah, dengan perkara-perkara yang telah diciptakan oleh-Nya di dunia ini, dan kita juga perlu yakin bahwa semua perkara itu tidak akan tercipta dengan sendiri, atau tidak tercipta dengan sebab cuaca atau kejadian fenomena alam, bahkan dia tercipta oleh yang Maha Kuasa dan Maha kehendak. Selain itu juga terdapat dalam ungkapan yang lain seperti ;

(P58-112-1) ke mana pun aku memandang, aku memandang  
Di sana ada wajah-Mu, ke barat kupandang  
Di sana ada wajah-Mu, ke timur kupandang  
Di sana pun ada wajah-Mu – Engkau  
Tidak bertempat, tetapi di mana-mana pun  
Engkau ada – Engkau tidak tertempat,  
Tetapi Engkau tidak di atas, tidak di bawah,  
Bahkan Engkau berada di mana-mana –  
Engkau sangat hamper dengan diriku, sehingga  
Tidak ada jarak seela – Engkau berada  
Di mana-mana, Engkau tidak pernah sembunyi,  
Maka di mana kupandang, di sana ada  
**Wujud-Mu** – Engkau sebenarnya sentiasa  
Menonton diriku, dan sentiasa melepas

Tontonganku, aku walaupun menonton diri-Mu  
Tetapi tidak pernah melepas tontonan  
Diri-Mu, aku walaupun makrifat pada-Mu  
Namun tak pernah mengatasi makrifat-Mu (b.1-18)  
(Suhaimi Hj.Muhammad, 2009, ms.112)

Dalam ungkapan ini penyair menjelaskan bahawa adanya Allah S.W.T. yang tidak bertempat, sifat Wujud-Nya tidak sama dengan wujudnya kita. Allah yang sentiasa berada di mana-mana, dan sentiasa mengawal perbuatan kita, walau di mana sahaja kita berada tidak akan terlepas dari kawalan Allah.

Selain dari semua sifat yang berunsurkan akidah, sifat ini juga membuktikan bahawa Allah itu yang yang bersifat dengan Maha sempurna dan bersifat dengan sifat Kamal dengan ini sejarah dengan teori Takmilah yang membuktikan Kamal Allah ke arah Takmilah.

### Rukun Iman dalam Unsur Akidah

Seperti yang sedia maklum bahawa rukun iman yang wajib diketahui dan wajib diyakini orang Islam ada enam perkara, beriman kepada Allah, para-para Malaikat, kitab-kitab-Nya, Rasul, hari qiamah, qada' dan qadar.

Rukun Iman yang pertama, sangat-sangat jelas dan sama dengan perbahasan di atas tentang sifat-sifat Allah dalam unsur akidah. Perbahasan ini akan bincangkan ungkapan-ungkapan yang terdapat dalam puisi yang mana penyair menggunakan nama-nama bagi rukun iman yang baki lagi lima perkara dan ungkapan tersebut dapat dikaitkan dengan unsur akidah.

### Malaikat dan Kitab

Kitab yang diturunkan oleh Allah kepada para-para Rasul-Nya terdapat empat kitab yang masyhur ialah al-Quran, Injil, Zabur, dan Taurat. Dalam puisi Taman Takwa hanya terdapat kitab al-Quran yang diungkapkan oleh penyair, dan pada puisi yang sama juga penyair mengungkapkan kalimah Malaikat, sepertimana dalam puisinya:

(P8-16-14)                   **Al-Quran dan al-Hadis** adalah taman cahaya bagi  
                                    Negeri Ibadah ini, di sinilah berkumpul  
                                    Para syuhada, para abid, para sufi, para mujahid,  
                                    Para perindu, di sinilah berkumpul burung-  
                                    Burung salwa, di sinilah burung-burung salwa  
                                    Mengitari malam dinihari, harum kesturi dan  
                                    Ambar bersimpuh di setiap sudut masala,  
                                    Madrasah,  
                                    Dan mimbar, sayap-sayap **malaikat** memayungi  
                                    Negeri ini dari tepi langit ke tepi langit-Mu,  
                                    Gema Allahuakbar dan seruling **al-Quran**  
                                    Seiring berkumandang dalam putaran rohani dan  
                                    Nadi para sufi dan perindu. (b.14-26)  
                                    (Suhaimi Hj.Muhammad, 2009, ms.16)

Dalam ungkapan di atas penyair mengungkapkan dua perkata penting dalam rukun Iman ialah al-Quran, dan malaikat. Kedua-dua perkara ini sangat penting kepada orang yang beriman dan wajib diyakini bahawa al-Quran adalah wahyu yang diturunkan kepada junjungan Nabi Muhammad S.A.W..

Ungkapan ini, menceritakan tempat diturunkan al-Quran dan cara mengamalkan dengannya. Al-Quran juga merupakan panduan cara hidup kepada orang yang beriman, tidak terhad kepada para ulama' sahaja, tetapi diturunkan kepada umat manusia semua.

Ada pun malaikat ialah makhluk yang diciptakan oleh Allah dengan sifat yang patuh dan taat kepada-Nya. Dalam ungkapan ini, penyair menjelaskan bahawa malaikat yang memayungi negeri

wahyu ini. Dalam aspek akidah juga harus meyakini bahwa wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. juga melalui para malaikat. Malaikat juga sentiasa mengawal dan menemani Nabi dalam bidang dakwah mereka, sama ada dalam rupa bentuk asal atau pun dalam rupa bentuk manusia.

Dengan ini, tidak ada keraguan lagi bahawa dua perkara ini sangat berkait dengan unsur akidah orang yang beriman, dan untuk menjaga kitab Allah, serta mengamalkan tengannya. Selain daripada itu, setiap Muslim juga harus yakin bahawa malaikat juga sentiasa bersama dengan kita, khususnya malaikat Raqib dan Atid, dan dengan keimanan ini juga dapat dibuktikan kepada kita bahawa kitab yang diturunkan untuk panduan manusia, dan para malaikat yang diciptakan semata-mata untuk menjadi tentera Allah. Dengan ini dapat dibuktikan bahawa Allah itu bersifat dengan Kamal ke arah membina takmilah.

Rasul

Rasul ialah utusan yang diutuskan oleh Allah kepada kaumnya untuk mengajak manusia supaya beriman kepada Allah, dan meninggalkan segala kekufturan dan kesyirikan. Rasul utusan yang terakhir ialah Nabi Muhammad S.A.W.. Hal ini juga terdapat beberapa ungkapan yang menggunakan nama Nabi Muhammad S.A.W. demi meningkatkan lagi keimanan kepadanya Baginda S.A.W. seperti terdapat dalam ungkapan yang berikut:

(P5-10-25,31) Kaulah yang menurunkan kitab al-Quran  
Yang tidak ada keraguan segala  
Kandungannya;  
Jibrail itu adalah hamba-Mu, **Isa** itu juga  
Hamba-Mu,  
Keduanya bukan sebahagian daripada  
Sembahan  
Keduanya bukan satu daripada tiga,  
Bukan pula tiga di dalam satu;  
**Muhammad** itu penghulu bagi sekalian hamba-Mu  
Yang membawa perkhabaran gembira;  
Bahawa Tuhan yang disembah hanya satu sahaja;  
Hanya Allah – Tuhan yang Maha Esa. (b.25-37)  
(Suhaimi Hj.Muhammad, 2009. ms.10-11)

Ungkapan di atas membuktikan keimanan kepada Nabi Muhammad S.A.W. sebagai utusan terakhir dan tugasas asas Nabi kepada umatnya. Dengan ini dapat dijelaskan akan kewajipan orang beriman kepada Nabi Muhammad dan juga kepada para Nabi dan Rasul yang lain. Dalam ungkapan ini juga, penyair menafikan dakwaan orang Nasrani yang menganggap Nabi Isa sebagai anak Allah, dan malaikat juga sebagai hamba Allah.

Selaku umat Nabi Muhammad juga, harus diingati bahawa Nabi diutuskan untuk mengingatkan para pengikutnya agar menurut jalan yang direhái oleh Allah, dengan menyampaikan berita gembira dan peringatan kepada orang yang tidak beriman kepada Allah, atas balasan Allah pada hari pembalasan kelak. Selain ungkapan di atas, terdapat juga dalam ungkapan yang lain seperti berikut:

(P64-124-5) Di anjung Raudhah – di sisi makam **Rasulullah**,  
Kurasa aku di sisi **Rasulullah** – memohon  
Reda-Mu, memohon ampunan-Mu, memohon  
Rahmat-Mu – aku ini musafir  
Dan fakir di sisi-Mu – kuhamparkan segala  
Gelodak imanku, segala gelodak  
Cintaku pada-Mu – Kau paling hamper  
Padaku, denganku. (b.32-40)

Ungkapan ini menjelaskan bahawa Nabi Muhammad juga selaku hamba Allah yang akan hidup dan mati, sama seperti manusia yang lain. Apa yang membezakan baginda dengan hamba yang lain ialah wahyu yang diturunkan kepadanya. Dengan dua ungkapan ini, sangat-sangat jelas dan dapat menguatkan, untuk membuktikan bahawa unsur akidah yang tersirat di dalam dua ungkapan yang dapat dikaitkan dengan keimanan kepada Nabi dan Rasul. Para Nabi dan Rasul diutuskan untuk menyeru manusia supaya beriman kepada Allah yang Maha Esa. Nabi dan Rasul juga diutuskan olehNya, dengan perancangan yang baik, dengan tidak ada perancang dan pengutus kecuali Allah yang hanya bersifat dengan Kamal semata-mata untuk membina Takmilah.

### Hari Kiamat dan Qada' Qadar

Hari kiamat adalah salah satu daripada rukun Iman yang wajib untuk diimani, dan beriman kepada qada' dan qadar juga adalah rukun iman yang terakhir.Terdapat juga kegunaan dua rukun Iman ini oleh penyair dalam puisinya untuk menyempurnakan ungkapannya dalam aspek akidah orang Islam, sepetimana dalam ungkapannya:

(P10-20-1)

Ini tanah perkuburan bukan daerah perjalanan  
Terakhir,  
Ini hanya daerah semadi sementara,  
Bagi para perindu dan para sufi, mereka telah mati  
Berkali-kali, dan akan mati berkali-kali lagi,  
Dan akan pula bangkit dan hidup  
berkali-kali selepas  
mati berkali-kali, inilah hakikat hidup dan  
mati bagi mereka – mereka mati dan hidup  
beribu kali  
dalam zikir, dalam alam rindu,  
telah juga  
beribu kali mereka hidup dan mati dalam  
alam munajat –  
tidak siapa sedar mereka telah beribu kali  
membaca  
risalah talkin untuk dirinya sendiri, sewaktu  
terbaring  
dalam tanah kuburan ini. (b.1-19)

(Suhaimi Hj.Muhammad, 2009, ms.20)

Ungkapan di atas, penyair telah mengungkapkan berkaitan dengan kematian dan kehidupan seseorang. Walaupun dalam ungkapan di atas tidak ada kata-kata tentang hari kiamat, namun selaku orang yang beriman harus ingat bahawa kiamat kecil ialah menempuh alam kematian.

Kematian ini juga satu jambatan ke alam akhirat. Semua yang bernafas akan merasai kematian walaupun sekejap. Walaupun pada saat Allah perintahkan kepada malaikat Israfil untuk meniup sangka kala, dan semua akan mati termasuk Israfil sendiri yang dimatikan oleh Allah.

Maka dengan ini dapat dikaitkan bahawa ungkapan ini juga mempunyai unsur akidah, dalam aspek keimanan ke hari kiamat. Selain daripada hari kiamat, dalam unsur akidah juga terdapat keimanan kita kepada qada' dan qadar Allah S.W.T., seperti dalam ungkapannya:

(P83-175-29)

Tuhan, alam dunia ini adalah perahu Cintaku,  
Untuk aku belayar ke pelabuhan Cint-Mu  
Alam dunia ini adalah Pendayung Rahmat-Mu,  
Untuk  
Aku mendayung menuju Taman Abadi-Mu  
- ini -  
Mata rohaniku singgah di Dataran Mesopotamia,

Singgah di Empangan Ma'rib, di Pasar  
Madyan,  
Di Perkebunan Saba' – menyelusuri ***qadak dan qadar***  
Nuh, menyesuri qadak dan qadar Saleh,  
menyulusuri ***qadak dan qadar*** Syuaib menyulusuri  
nasib kaum Nuh, kaum Saleh, kaum Syuaib. (b.29-43)  
(Suhaimi Hj.Muhammad, 2009,ms.175)

Ungkapan di atas, penyair mengungkapkan nasib-nasib kaum para Nabi dan Rasul sebelum Nabi Muhammad, yang mana terdapat beberapa takdir yang ditakdirkan oleh Allah kepada kaum mereka. Dengan ini, kita harus yakin, atas semua takdir Allah walaupun perkara itu kita tidak suka, sepertimana yang berlaku kepada Nabi Nuh yang mana anak dan isterinya juga ditenggelami dalam banjir Allah. Setiap perkara yang berlaku dalam kehidupan kita harus diingati bahawa ia adalah datang daripada Allah dan semuanya akan dikembalikan kepada-Nya kelak.

Keimanan di atas, sangat-sangat berkait rapat dengan unsur akidah, dan rukun iman juga dibina untuk menegakkan tauhid dan kepercayaan kepada Allah. Dengan ini sangat jelas bahawa keimanan berunsurkan akidah, dan keimanan semuanya untuk membina kepercayaan yang kuat kepada Allah yang Maha Esa dan percaya dengan yakin kepada-Nya, demi menegakkan kesempurnaan Allah yang bersifat dengan Kamal untuk membina Takmilah.

## KESIMPULAN

Mengikut analisis dilakukan terhadap puisi Taman Takwa ini, dapat diringkaskan bahawa terdapat 70 ungkapan yang dapat dikaitkan dengan unsur akidah, Semua ini, dari 20 sifat Allah dan semua unsur-unsur yang telah dianalisis ini dapat membuktikan bahawa semua itu mendorongkan kita ke arah menegakkan sifat Allah yang Maha Sempurna atau Allah yang bersifat dengan Kamal. Disamping menegakkan kepentingan akidah bagi orang Islam yang harus mengiplikasikan hal ini dalam semua aspek kehidupannya. Termasuk dalam karya-karya ilmiah, yang mana telah membuktikan bahawa terdapat unsur-unsur ini dalam karya-karya melayu, maka pengkaji memberikan saranan, agar puisi-puisi karya Suhaimi Hj. Muhammad yang lain dapat dikaji dengan menggunakan teori Takmilah, yang mana gabungan prinsip yang pertama, iaitu: Tuhan yang bersifat Kamal bersama dengan 20 sifat Tuhan yang wajib dipercayai oleh umat Islam, yang telah dibahagikan oleh ulama tauhid untuk menganalisis kegunaannya dalam puisi-puisi yang lain. Dengan demikian itu, khazanah kegunaan sifat-sifat Allah dalam bahasa dan kesusasteraan Islam akan semakin kaya kajian dan perbahasannya.

## RUJUKAN

*Al-Quran al-Karim.*

- A.Halim Ali, Norazimah & Ariff. (2017). Gambaran Budaya Masyarakat Brunei dalam kumpulan Puisi Diam-diam karya K.manis. *Jurnal Melayu*,12(2), 244.
- Abdul Halim Ali. (2014). *Teori takmilah perluasan & penafsiran*. Tanjung Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Ahmad Kamal Abdullah. (1988). *Unsur-unsur Islam dalam Puisi Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.20.
- Amirullah. (2008). *Konsep Akidah*. 15 April. (Atas Talian). Muat Turun 31/3/2018, dari <http://pendidikanagama.blogspot.my>
- Balqis Haji Abu Bakar. (1981). Pertentangan antara Rasulullah dan Musyrikin Mekah serta kesannya terhadap perkembangan sastera di masa itu, sekitar sejarah dan Tamadun Islam, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 88.
- Haji Wan Ahmad Khall Haji Muhammad. (2013). *Usul al-Tahqiq*. Kelantan: Ramly Press Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. (1985). *Tanggapan sastera*. Kuala Lumpur: Karya Bistari, hlm.100.
- Mana Sikana. (1988). *Sastera Islam dalam pembinaan*. Bangi: Penerbit Karyawan, hlm.31.
- Mohd Fauzi. (2002). Peranan akidah dalam perancangan pembangunan ummah: Satu analisis dalam konteks masyarakat kini. *Jurnal Usuluddin*,16,13.

- Mohd Shafiee, Azli fairuz, Rahimah & Nik Murshidah. (2015). Penerapan akidah dalam Dasar Pendidikan Malaysia: Analisis terhadap Falsafah Pendidikan Negara dan Islam Hadhari. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 9, 2.
- Nurmurni. (2014). *Konsep Akidah*. 10 Disember (Atas Talian). Muat turun 31/3/2018, dari <https://www.slideshare.net>.
- Sabiruddin. (2012). Akidah asas kesempurnaan insan. *Jurnal al-Hikmah*, 4, 106
- Shafie Abu Bakar. (1983). Susteru Islam: Perkembangannya di Malaysia. *Dewan Sastera*, hlm.10.
- Shahnon Ahmad. (1981). *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.388.
- Suhaimi Haji Muhammad. (2009). *Taman Taqwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.